

TR 1:10:75

PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI 1975 OLEH PERDANA MENTERI MELALUI RADIO/ TV MALAYSIA PADA 5HB OKTOBER, 1975

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh!

Saudara-saudara kaum Muslimin sekalian,

Besok kita sekalian akan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Mengambil sempena hari yang berbahagia ini, sukalah saya mengucapkan Selamat Hari Raya kepada kaum Muslimin dan Muslimat sekalian,

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana sungguhpun negara kita sedang menghadapi berbagai ancaman, kita dapat menyambut hari yang berbahagia ini dalam keadaan yang boleh dikatakan sempurna. Oleh itu marilah kita berdoa ke hadrat Allah mudah-mudahan Allah memberikan kita perlindungan dan berkat di dunia dan di akhirat.

Saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada semua saudara-saudara yang telah mengirim kad ucapan Selamat Hari Raya kepada saya dan keluarga.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam sebulan yang lalu, kita umat Islam telah berjaya menjalankan hukum Allah iaitu berpuasa. Amalan ini adalah bertujuan menguatkan ketabahan hati dan semangat kita untuk menghadapi cabaran-cabaran hidup. Amalan ini juga diharap akan menguatkan semangat disiplin dan tanggungjawab kita sebagai umat Islam.

Kita hendaklah sentiasa insaf bahawa dalam kehidupan kita di dunia, kadangkala kita terpaksa menghadapi kesulitan-kesulitan yang berkehendakkan kita menunjukkan ketabahan, disiplin yang kuat serta pengorbanan sedikit sebanyak. Saya percaya hikmat di sebalik amalan puasa ini patutlah difahami oleh semua pihak dan amalan yang kita jalankan itu ialah untuk menunaikan kewajipan kita kepada Tuhan supaya kita diberkatinya di dunia dan akhirat.

Saudara-saudara sekalian,

Semenjak dua tahun yang lalu, negara kita telah menghadapi bermacam-macam ancaman. Pertama, kita dilanda oleh inflasi disebabkan oleh kenaikan harga barang-barang keluaran seluruh dunia. Dengan berkat Tuhan dan dengan kerjasama semua pihak dan dengan keazaman kita untuk berdiri atas kaki kita sendiri, kita telah berjaya mengatasi sebahagian besar ancaman inflasi ini.

Sekarang kita masih menghadapi masalah kemerosotan ekonomi dan untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan telah menyeru rakyat sekalian supaya berjimat cermat dan mengurangkan perbelanjaan yang membazir dan dengan itu dapatlah menolong Kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Bagi pihak Kerajaan sendiri, Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan tegas untuk mengurangkan perbelanjaan supaya kita dapat menjaminkan iaitu perbelanjaan tahunan kita tidak melebihi pendapatan kita yang merosot.

Saya bangga bahawa seruan Kerajaan ini telah mendapat sambutan yang baik daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan pihak-pihak berkenaan dan begitu jugalah pembesar-pembesar kita khasnya Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja telah berkenan menyumbangkan sebahagian daripada saraan Baginda dan bersama-sama berkorban dalam masa negara menghadapi ancaman ini.

Saya berdoa ke hadrat Tuhan mudah-mudahan pada tahun hadapan keadaan ekonomi dunia akan beransur pulih dan tekanan kemerosotan ekonomi ini akan bertambah reda sedikit.

Saudara-saudara sekalian,

Sambil kita menghadapi masalah inflasi dan kemerosotan ekonomi ini, pihak musuh-musuh negara, pengganas-pengganas Komunis dan anasir-anasir anti-nasional, telah memperhebatkan gerakan-gerakan mereka. Anasir-anasir ini bukan sahaja bertindak di hutan rimba bahkan baru-baru ini telah memulakan gerakan di bandar-bandar besar khasnya di Ibu Kota Kuala Lumpur.

Kerajaan telah mengambil tindakan tegas dan Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri telah dikuatkuasakan balik di seluruh negara supaya dengan itu dapat memberi kuasa-kuasa yang dikehendaki kepada pihak Polis dan Tentera untuk mengawal keamanan.

Anasir-anasir komunis dan anti-nasional ini sedang menjalankan gerakan kejam dan tidak sedikitpun menunjukkan perasaan perikemanusiaan. Oleh itu keadaan keselamatan negara adalah serius dan kita perlu mengambil tindakan tegas. Kalau tidak, harus keadaan akan bertambah buruk dan akan mengancam keutuhan negara. Kita mengamalkan demokrasi dan kedaulatan undang-undang tetapi mereka menggunakan kebebasan ini untuk hendak menghancurkan demokrasi dan cara hidup yang kita sanjung tinggi. Oleh itu mustahaklah kita mempertahankan demokrasi ini dengan apa cara yang difikirkan perlu.

Dengan sebab itu, Kerajaan terpaksa mengadakan undang-undang keselamatan yang agak keras sedikit buat sementara waktu untuk menghapuskan anasir-anasir ini. Apabila keadaan telah pulih, undang-undang ini akan dimansuhkan dan kita akan balik semula kepada keadaan biasa seperti yang kita lakukan pada masa darurat akibat Trajedi 13 Mei dahulu. Kerajaan akan menggunakan kuasa ini dengan cermat supaya hanya mereka yang benar-benar bersalah sahaja akan dikenakan hukuman yang sewajarnya. Undang-undang ini akan melibatkan kes-kes keselamatan sahaja dan mempunyai peruntukan jaminan (safeguards) yang secukupnya bagi menentukau mereka yang tidak bersalah tidak akan teraniaya.

Saudara-saudara sekalian,

Saya juga dukacita iaitu sebahagian kecil daripada rakyat negara kita, baik yang tinggal di bandar-bandar mahupun di kampung-kampung, masih memberi pertolongan dan perlindungan kepada anasir-anasir anti-nasional ini. Saya suka menyeru kepada mereka supaya menghentikan perbuatan khianat kepada negara sendiri. Rakyat sekalian hendaklah menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara dan kesediaan untuk mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara. Sesiapa juga yang tidak sanggup berbuat demikian tidaklah harus menerima faedah-faedah daripada negara ini ataupun mengaku diri mereka sebagai rakyat Malaysia.

Saudara-saudara sekalian,

Saya telah seringkali tegaskan bahawa dalam menghadapi ancaman-ancaman sekarang ini, Kerajaan memerlukan kerjasama daripada rakyat. Bagi menghadapi ancaman keselamatan negara

kita, Kerajaan telah menyediakan rancangan Rukun Tetangga supaya rakyat sendiri dapat bersama-sama menjaga dan mengawal rumah tangga dan kampung halaman masing-masing dan dengan itu dapat menolong pihak Polis dan anggota-anggota pasukan keselamatan.

Saya sukacita bahawa rancangan ini telah mendapat sambutan yang baik di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang di mana rancangan-rancangan ini sedang dimulakan. Saya harap selepas daripada ini, rancangan ini akan dijalankan di kawasan-kawasan luar bandar dan di kampung-kampung sehingga meliputi ke seluruh negara. Rancangan ini, selain daripada memberi pertolongan kepada Kerajaan, saya percaya akan dapat mengeratkan lagi perpaduan di kalangan rakyat berbilang bangsa di negara kita kerana mereka itu dapat bersama-sama mempertahankan dan mengawal tempat dan kawasan masing-masing.

Di sini suka saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih dan penghargaan kepada anggota-anggota pasukan keselamatan, anggota-anggota Polis dan Tentera, yang sentiasa menjalankan tanggungjawab mereka itu dengan tabah dan berani untuk mengawal keselamatan dan mempertahankan negara kita.

Pada hari yang berbahagia ini pun, sambil kita bersukaria menyambut Hari Raya, sebahagian daripada anggota tentera dan polis terpaksa berada di hutan rimba menjalankan tugas mereka dan tidak dapat berhari raya bersama anak isteri dan kaum keluarga mereka. Kepada mereka, saya suka menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya yang istimewa dan juga ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak dapat dinilai daripada sekalian rakyat jelata terhadap pengorbanan dan perkhidmatan mereka.

Tak dapat tiada, dalam menjalankan tugas mereka itu, kadang kala anggota polis dan tentera telah terkorban dan ada yang mengalami kecederaan. Kita menaruh simpati yang penuh kepada balu-balu mereka dan anak-anak serta keluarga yang telah kehilangan orang-orang yang dikasihi. Akan tetapi pengorbanan dan keberanian mereka itu akan sentiasa diingati dan dihargai

oleh negara dan jenerasi yang akan datang. Kita berdoa ke hadrat Tuhan mudah-mudahan Allah mencucuri rahmatNya ke atas roh mereka dan ditempatkan mereka bersama-sama orang-orang yang saleh.

Saudara-saudara sekalian,

Sungguhpun kita menghadapi berbagai ancaman yang saya sebutkan tadi, tetapi Kerajaan adalah berazam untuk meneruskan usaha-usaha dalam lapangan pembangunan untuk memberi rakyat negara kita daripada semua bangsa taraf hidup yang lebih sempurna dan kemudahan hidup yang lebih baik. Pada penghujung tahun ini, kita akan tamat melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua di bawah Dasar Ekonomi Baru dan menjelang tahun hadapan kita akan mula melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga.

Saya telah tegaskan iaitu Rancangan Malaysia Ketiga ini akan memberi keutamaan kepada rakyat yang mundur dan miskin. Rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan bukan sahaja untuk hendak menambah mata pencarian mereka itu bahkan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan khasnya seperti perumahan.

Saya telah memberi arahan supaya rumah-rumah murah iaitu rumah yang benar-benar murah yang boleh dibeli oleh mereka-mereka yang berpendapatan rendah, akan dibina di bandar-bandar besar dan juga di kawasan luar bandar. Di bandar-bandar kecil dan kawasan luar bandar, Kerajaan akan mengadakan rancangan untuk mengadakan tapak-tapak dan kemudahan yang lain dan diharap rakyat sendiri akan dapat mendirikan rumah masing-masing sama ada secara gotong royong ataupun sendiri supaya dengan itu dapat mengurangkan perbelanjaan untuk membina rumah itu.

Saya percaya rancangan ini akan disambut baik oleh rakyat kerana ini sungguh-sungguh dapat memberi peluang-peluang kepada mereka untuk mempunyai tempat kediaman yang sempurna. Di bandar-bandar besar seperti di Ibu Kota Kuala Lumpur, kita terpaksa mendirikan rumah-rumah pangsa yang murah kerana kekurangan tanah. Rancangan-rancangan sedang diatur supaya masalah kesesakan di Ibu Kota dapat diatasi.

Saudara-saudara sekalian,

Kerajaan Barisan Nasional yang saya pimpin pada hari ini adalah berazam hendak berkhidmat dengan penuh kejujuran kepada rakyat. Oleh itu saya berseru kepada pegawai-pegawai Kerajaan baik di peringkat atas mahupun di peringkat bawah khususnya mereka-mereka yang berdamping dengan rakyat setiap hari, akan sentiasa memberi layanan kepada rakyat dengan jujur dan penuh dedikasi. Pegawai-pegawai Kerajaan adalah berkhidmat untuk kepentingan rakyat dan perlulah sentiasa memberi perkhidmatan yang jujur dan layanan yang sempurna kepada rakyat untuk menolong mereka mengatasi masalah-masalah yang dihadapi mereka ataupun mendapat apa juga permintaan yang dikehendaki.

Saya telah memberi arahan iaitu ketua-ketua pejabat akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pegawai Kerajaan yang tidak memberi layanan yang dikehendaki oleh rakyat. Rakyat adalah berhak mendapat layanan yang sempurna dan adalah menjadi tanggungjawab pegawai-pegawai Kerajaan memberi layanan itu dengan penuh dedikasi.

Saudara-saudara sekalian,

Sungguhpun kita sedang menghadapi zaman kemajuan kebendaan yang pesat dan sungguhpun kita menggalakkan orang-orang Islam khasnya merebut peluang-peluang yang terbuka luas yang diberi oleh Kerajaan untuk mendapatkan kemudahan hidup yang lebih lumayan, akan tetapi tidak bermakna kita terpaksa mengenyepikan tanggungjawab kita kepada negara. Bagi orang-orang yang menceburkan diri dalam lapangan perusahaan dan perniagaan, mereka adalah bertanggungjawab menjalankan perniagaan dengan sempurna untuk menjamin yang mereka itu berjaya dalam lapangan perusahaan mereka. Bagi pegawai-pegawai Kerajaan pula, mereka adalah bertanggungjawab untuk berkhidmat kepada rakyat. Perkhidmatan berkehendakkan semangat dedikasi dan pengorbanan. Oleh itu saya berharap semua pihak rakyat akan menjalankan tugas masing-masing dengan penuh semangat supaya negara kita akan terus meningkat maju seperti yang kita kehendaki.

Saudara-saudara sekalian,

Kemajuan sesebuah negara bergantunglah kepada usaha dan tenaga yang dicurahkan oleh tiap-tiap orang rakyat. Janganlah kita semata-mata memandang apa faedah yang kita boleh dapat daripada negara tetapi kita mestilah memikirkan apakah perkhidmatan dan pengorbanan yang boleh kita berikan kepada negara. Hanyalah dengan negara kita berada dalam keadaan aman dan stabil baru kita boleh mencapai kemajuan dan kemakmuran yang kita cita-citakan itu.

Saya berdoa ke hadrat Tuhan, dengan kerjasama dan taat setia yang ditunjukkan oleh semua lapisan rakyat kepada negara kita maka Kerajaan yang saya pimpin pada hari ini akan dapat meneruskan perkhidmatannya membawa negara kita yang dicintai ini ke tingkatan kemajuan yang lebih tinggi dan luas lagi pada masa akan datang.

Sekianlah sahaja, saya ucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Selamat Maju Jaya.